

NO. SOALAN: 227

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH :

RUJUKAN : 10411

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nisbah anggota terhadap populasi dalam Daerah Polis Timur Laut, Pulau Pinang dan kekuatan anggota polis yang diagihkan bagi setiap jabatan dan bahagian di bawah PDRM di peringkat Daerah Polis Timur Laut.

74

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak mengguna pakai kaedah nisbah polis berbanding dengan jumlah penduduk atau orang awam dalam perancangan untuk menambah perjawatan atau mewujudkan daerah polis atau balai-balai polis yang baharu seperti mana maksud soalan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjong.

Kaedah kiraan berdasarkan nisbah tidak sesuai dilaksanakan memandangkan struktur perjawatan dalam PDRM merangkumi jabatan dan cawangan yang melaksanakan tugas yang pelbagai dan tidak mengkhusus kepada penugasan untuk pencegahan dan siasatan jenayah sahaja. Sebagai contoh, Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Gerakan Khas (PGK) lebih mirip kepada penugasan separa ketenteraan manakala pasukan Polis Simpanan Persekutuan (FRU) lebih terarah kepada penugasan untuk menyuraikan perhimpunan haram dan mengawal ketenteraman awam dan Cawangan Khas yang tertumpu kepada tugas perisikan.

Kaedah yang digunakan oleh PDRM bagi menambah perjawatan dan daerah atau balai-balai baharu di seluruh negara adalah berdasarkan kepada kedudukan balai berkenaan serta fungsi dan beban tugas balai berkenaan mengikut kategori berikut:-

- i) Balai Polis Metropolitan;**
- ii) Balai Polis Bandar;**
- iii) Balai Polis di luar Bandar;**

- iv) Balai Polis di Pulau-pulau;
- v) Balai Polis di Sempadan Antarabangsa;
- vi) Balai Polis di Lapangan Terbang (antarabangsa dan domestik) serta di pelabuhan-pelabuhan; dan
- vii) Balai Polis di kawasan pendalaman, kawasan FELDA, perkampungan orang asli, kampung-kampung baharu dan sebagainya.

Selain itu, faktor-faktor yang akan diambil kira adalah seperti berikut:-

- i) faktor sosioekonomi - pekerjaan, tahap ekonomi penduduk, kawasan industri, kawasan perbankan dan lain-lain lagi; dan
- ii) faktor kompleksiti penugasan - mengambil kira keperluan untuk mewujudkan sebuah balai atau ibu pejabat polis iaitu mesti ada (*must have*), patut ada (*should have*) dan elok jika ada (*nice to have*).

76

Jumlah keanggotaan setiap jabatan bagi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Bil	Bahagian	Kekuatan Polis
1	Pengurusan	16
2	Sumber Strategik Dan Teknologi (START)	88
3	Siasatan Jenayah	148
4	Siasatan Jenayah Narkotik	60
5	Keselamatan Dalam Negeri / Ketenteraman Awam	55
6	Siasatan Jenayah Komersil	27
7	Pencegahan Dan Keselamatan Komuniti	109
8	Integriti Dan Pematuhan Standard	2
9	Siasatan & Penguatkuasaan Trafik	99
10	Balai Polis	867
Jumlah		1,471